

TEKS UCAPAN ALUAN

XXXXXX

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN GERAN DI BAWAH
PROGRAM INISIATIF PENDAPATAN RAKYAT (IPR)
BERSAMA YB MENTERI EKONOMI & TOWNHALL
BERSAMA PIMPINAN PELAJAR**

SELASA | 9 JANUARI 2024 | 9.00AM

UiTM CAWANGAN SELANGOR

KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih saudara Pengacara majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

- Yang Berhormat Mohd Rafizi Ramli
Menteri Ekonomi Malaysia
- Yang Berbahagia Profesor Dr. Hj. Mohd Sazili
Shahibi
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM
- Yang Berbahagia Profesor Ts. Dr. Norazah Abd
Rahman
Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan & Inovasi
UiTM
- Yang Berbahagia Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul
Rahman,

Rektor, UiTM Cawangan Selangor

- Yang Berusaha Prof Madya Dr Badrul Isa
Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar,
UiTM Cawangan Selangor
- Timbalan-Timbalan Rektor, Dekan-Dekan Fakulti
- Tuan Puan, serta para pelajar UiTM yang saya kasihi.

[Salutasi - Kemas Kini Berdasarkan Kehadiran]

1. Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat kita sama-sama berkumpul bagi **Majlis Penyerahan Geran di bawah Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan Townhall Bersama Pimpinan Pelajar.**

2. Pertamanya, saya mengalu-alukan kehadiran YB Mohd Rafizi Ramli ke Universiti Teknologi MARA. Kehadiran yang amat bermakan ini membuktikan komitmen kerajaan MADANI dalam usaha gigihnya untuk menoktahkan kemiskinan tegar di negara ini.

3. Mewakili UiTM, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan para tetamu yang hadir dalam majlis pada hari ini. Terima kasih juga kepada UiTM Cawangan Selangor (UCS), kerana telah berjaya merealisasikan majlis penyerahan Geran Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) ini.

Hadirin sekalian,

4. Usaha murni kerajaan melalui pelaksanaan inisiatif IPR ini adalah program yang disandarkan untuk terus membantu golongan yang kurang berkemampuan, seterusnya membasmi kemiskinan tegar di Malaysia

5. Kegiatan mendekati golongan sasaran yang dijemakan melalui pemberian geran kepada UiTM akan dapat untuk memperkasa penggunaan data, statistik dan maklumat yang diperolehi daripada Banci Ketua Isi Rumah (KIR) Malaysia seterusnya, memacu pembangunan sosioekonomi negara.

6. Impak positif yang dapat dicapai melalui data maklumat yang diperolehi dapat menyumbang kepada kerajaan untuk menyalurkan pemberian bantuan bersasar dan pembangunan keupayaan individu.

7. Saya yakin, dengan perkembangan teknologi dan inovasi dalam memacu kepada pertumbuhan ekonomi negara, dapat dimanfaatkan sepenuhnya secara berkesan dalam kalangan golongan sasaran agar dapat

menjana pendapatan yang lebih baik daripada sebelumnya.

Para hadirin yang dihormati,

8. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri dan Kementerian Ekonomi yang telah memberi kepercayaan dan melantik UiTM sebagai rakan strategik untuk bekerjasama dalam pelaksanaan Program IPR.

9. UiTM diberi ruang untuk menyumbang kepada usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar melalui inisiatif-inisiatif yang dirangka dengan teliti oleh Kementerian Ekonomi, iaitu:

- i. Pelaksanaan Pemetaan & Pemantauan Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR)
- ii. Pelaksanaan Kursus Literasi Kewangan Peserta Program Inisiatif Pendapatan Rakyat
- iii. Penempatan 49 unit Mesin Layan Diri IPR (INSAN) di kampus UiTM seluruh negara.

10. Peranan UiTM kepada kerajaan dan rakyat dalam pendidikan telah lama dan cukup besar terutama dalam mengubah nasib anak bangsa dan Bumiputera di Malaysia. Justeru itu, peranan UiTM terus diperluaskan dalam usaha mendokong dasar dan inisiatif kerajaan dalam memberi sumbangan kepada pembangunan dan peningkatan di dalam bidang-bidang yang lain.

11. Peranan dan sumbangan ini, dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna melalui sumber tenaga manusia dengan pelbagai kepakaran profesional dan pengalaman serta penglibatan para pelajar yang mempunyai keterampilan akademik dan modal insan yang cemerlang. Ini semua amat signifikan dalam membantu kepada pembangunan negara dan rakyat.

Tuan dan Puan yang dikasihi sekalian,

12. Sebelum saya akhiri ucapan ini, sekali lagi, terima kasih di atas kehadiran YB Menteri dan tahniah kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Selangor serta jawatankuasa yang menjayakan majlis pada pagi ini.

13. Sama-sama kita doakan matlamat kerajaan MADANI untuk mengatasi masalah miskin tegar melalui Program Inisiatif Pendapatan Rakyat melalui kerjasama UiTM akan dapat direalisasikan dengan baik dan berjaya.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.